

KATA NAMA

KATA AMA

1. Kata nama am digunakan untuk **menamakan manusia, binatang, tempat, tumbuh-tumbuhan atau benda.**
2. Kata nama terdiri daripada *kata nama* dan kata *nama khas*.

KATA NAMA AM

1. Kata nama am digunakan untuk **menamakan sesuatu benda, orang, binatang dan tempat secara umum.**
2. Kata nama am ditulis dengan **huruf kecil**, kecuali di permulaan ayat.
3. Jenis-jenis kata nama am terbahagi kepada:

Kata Nama Am	Contoh	Ayat contoh
Kata Nama Am Benda Hidup	Ayam, kucing, lembu, petani, polis, guru.	1. Kak Lina bertugas sebagai <i>guru</i> Bahasa Malaysia di sekolah itu. 2. Pokok <i>bunga mawar</i> yang ditanam oleh ibu berbunga lebat.
Kata Nama Am Benda Tidak Hidup	Meja, buku, kayu, masjid, sekolah, klinik	1. Mereka sekeluarga berhenti untuk bersolat di <i>masjid</i> kampung itu. 2. Rizal terjaga daripada tidur apabila <i>cahaya</i> matahari menembusi tingkap biliknya.

KATA NAMA KHAS

1. Kata nama khas membawa **maksud khusus kepada sesuatu nama orang, benda, binatang atau tempat.**
2. Huruf pertama untuk kata nama khas mestilah dimulakan dengan **huruf besar**.
3. Kata nama khas juga terbahagi kepada *kata nama khas benda hidup* dan *kata nama khas benda tidak hidup*.

Kata Nama Khas	Contoh	Ayat contoh
Kata Nama Khas Benda Hidup	Jamaludin, Ravi, Si Comel, Profesor Razak	1. <i>Datuk Farhan</i> merupakan pengerusi <i>Kelab Belia Taman Bahagia</i>. 2. Kakak mengelap bulu <i>Si Tompok</i> setelah memandikannya.
Kata Nama Khas Benda Tidak Hidup	Bank Negara, Korea, Jalur Gemilang, Rakan Sains	1. Kami mengadakan ulang kaji berkumpul di <i>Perpustakaan Negara</i>. 2. <i>Carine</i> memenangi tempat pertama dalam peraduan yang diadakan dalam majalah <i>Rakan Sains</i>.

Nama : _____

Kelaskan kata nama am mengikut Kumpulan yang betul.

buku	kotak	kasut	balai polis
tikus	ayam	hospital	doktor
guru	kucing	pisau	lipas
kedai	jururawat	kerusi	pelakon

Benda	Binatang	Orang	Tempat

Nama : _____

Kelaskan kata nama khas mengikut Kumpulan yang betul.

Sang Buaya	Taman Orkid	Sang Kancil	Sunsilk
Zoo Negara	Hospital Selayang	Puan Suraya	Si Comel
Pak Belang	Pak Ali	Nokia	Lexus
Klinik Rahman	Sony	Kak Hani	Ramona

Benda	Binatang	Orang	Tempat